



## Akta komunikasi dipinda lindungi wanita, kanak-kanak daripada isu seksual

Oleh Ahmad Suhael Adnan - Februari 26, 2023 @ 12:49pm  
ahmad.suhael@bh.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) sedang meneliti keperluan meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi melindungi golongan wanita dan kanak-kanak terdedah pada serangan seksual di dunia maya.

Menterinya, Fahmi Fadzil berkata pindaan itu selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai penubuhan unit khas di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak.

Katanya, mesyuarat Kabinet juga turut membincangkan mengenai keperluan meneliti dan meminda beberapa undang-undang lain dalam usaha menyekat penularan pornografi kanak-kanak dan keganasan seksual di negara ini.

"Dalam Kabinet, kita sudah mula berbincang mengenai keperluan meneliti semula beberapa undang-undang yang akan membantu mengekang penularan pornografi kanak-kanak dan keganasan seksual yang menjadi sasaran unit khas ini.

"Kami akan buat pengumuman penuh mengenai perkara ini selepas kami memulakan beberapa siri libat urus yang perlu dilaksanakan merentas beberapa kementerian berbeza.

"Sebagai contoh, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan diteliti sama ada terdapat bahagian dalam undang-undang ini yang perlu dipinda dalam usaha untuk kita melindungi wanita dan kanak-kanak," katanya pada sidang media Konvensyen Pemantapan Penerangan Keadilan Selangor di sini, hari ini.

Ketika membentangkan Belanjawan 2023 Jumaat lalu, Anwar mengumumkan penubuhan sebuah pasukan khas di bawah D11 Polis Diraja Malaysia (PDRM) khusus untuk mengekang aktiviti pornografi kanak-kanak.

Menurut Perdana Menteri, pasukan itu akan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk mencari pelaku yang menjadi dalang penularan pornografi kanak-kanak.

Mengulas lanjut, Fahmi menegaskan bahawa sebarang pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tidak akan menyekat atau menjelaskan operasi penyedia perkhidmatan telekomunikasi di negara ini.

"(Pindaan) tidak semestinya menyekat apa juu komitmen yang pernah dinyatakan kerajaan kepada syarikat telekomunikasi sebelum ini.

"Ini perkara yang perlu kita faham dan uruskan. Kementerian saya sedang meneliti perkara ini sekarang," katanya.